

11 JUL 1997

JANGAN PERTIKAI CALON BN DI SEMERAK, KATA ANNUAR

PASIR PUTEH, 11 Julai (Bernama) -- Anggota Umno di kawasan Dewan Undangan Negeri Semerak diminta menerima dengan hati terbuka calon yang dipilih untuk mewakili Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil di situ Ogos ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata itu penting kerana hanya seorang saja daripada beberapa nama yang dicadangkan akan dipilih oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai calon BN.

"Anggota Umno patut mencontohi parti Pas dalam menentukan siapa menjadi pemimpin atau wakil rakyat kerana walaupun ada di kalangan mereka tidak bersetuju dengan pemilihan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti, mereka tetap akur dengan keputusan itu tanpa mempersoalkannya," katanya ketika berucap kepada lebih 800 anggota jentera pilihan raya kecil kawasan Semerak di sini, hari ini.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Sulaiman Ahmad dari Pas pada 6 Julai lepas akibat serangan angin ahmar.

Suruhanjaya Pilihan Raya semalam menetapkan 31 Julai untuk penamaan calon dan 11 Ogos untuk pengundian.

Ketika ditemui pemberita, Annuar berkata beberapa orang tokoh Umno tempatan sudah disenaraikan dan nama mereka akan diserahkan kepada Dr Mahathir pada 22 Julai ini sekembalinya Perdana Menteri dari luar negara.

--BERNAMA

WM MAI